

BAB 8

KAEDAH PEMERHATIAN TINGKAH LAKU HAIWAN

*Kamarul Ariffin Kambali@Hambali
dan Aainaa Syazwani Mohamad Amir Hamzah*

PENGENALAN

Etogram adalah keseluruhan tingkah laku spesies. Etogram penting dalam mengkaji tingkah laku haiwan kerana ia merupakan ilmu asas untuk pemerhatian tingkah laku. Etogram dibina dengan memerhati dan mencatat semua aktiviti yang dilakukan oleh haiwan. Terdapat dua jenis corak tingkah laku yang sering dilihat pada haiwan:

1. Peristiwa: Peristiwa adalah corak tingkah laku dalam tempoh masa yang pendek seperti pergerakan badan atau suara yang diskrit. Ciri utama corak tingkah laku peristiwa adalah kekerapan kejadiannya. Sebagai contoh, berapa kali anjing menyalak dalam 1 minit akan menjadi ukuran kekerapan bagi tingkah laku peristiwa.
2. Keadaan: Keadaan adalah corak tingkah laku dalam jangka masa yang agak panjang, seperti aktiviti harian yang dilakukan haiwan. Ciri utama corak tingkah laku keadaan adalah tempohnya (purata atau keseluruhan jangka masa, atau bahagian masa yang dihabiskan untuk melakukan aktiviti tersebut). Sebagai contoh, tempoh masa seekor anjing tidur dalam masa 24 jam akan menjadi ukuran keseluruhan tempoh keadaan.

Untuk mencatat tingkah laku ini dengan betul, kaedah persampelan tingkah laku mesti digunakan. Terdapat pelbagai kaedah persampelan yang digunakan dalam melakukan kajian pemerhatian tingkah laku. Persampelan yang akan ditekankan di sini adalah persampelan imbasan segera dan persampelan kelakuan tertumpu.

PERSAMPELAN IMBASAN SEGERA

Persampelan imbasan segera merupakan teknik merekod aktiviti semasa individu pada selang waktu yang terpilih dalam tempoh masa yang ditetapkan. Persampelan seperti ini digunakan untuk mengkaji peratusan masa yang dihabiskan dalam pelbagai aktiviti oleh pelbagai jenis haiwan termasuk manusia. Persampelan ini juga boleh digunakan untuk mendapatkan data daripada ahli kumpulan yang besar seperti kera, dengan memerhatikan setiap individu secara serentak dalam tempoh masa yang singkat (Rajah 8.1).

Dalam persampelan imbasan segera ini, aktiviti individu dalam kumpulan akan diperhatikan secara serentak dan rawak. Jika aktiviti dalam kumpulan tampak menarik